

19/07/2001

Pendaftaran pengundi sepanjang tahun: Rais

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini meluluskan cadangan mengadakan pendaftaran pengundi sepanjang tahun dan sesiapa yang mendaftar layak mengundi dalam masa beberapa minggu saja, berbanding kira-kira sembilan bulan sekarang.

Bagaimanapun, mesyuarat jemaah menteri itu menolak cadangan memperkenalkan sistem pendaftaran pemilih secara automatik untuk semua warga negara yang mencapai usia 21 tahun.

Pada masa ini, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengadakan proses pendaftaran dan penyemakan Daftar Pemilih sekali setahun dan maksimum selama 42 hari. Namun, pengesahannya pula mengambil masa sekurang-kurangnya sembilan bulan sebelum mereka yang sudah mendaftar layak mengundi.

Semua prosedur itu tidak perlu lagi apabila pindaan kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dilakukan dan Rang Undang-Undang mengenainya dijangka dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sesi Dewan Rakyat sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata apabila cadangan pindaan itu diluluskan, sesiapa saja yang mencecah usia 21 tahun boleh mendaftar sebagai pengundi pada bila-bila masa, mulai tahun depan.

"Mengikut cadangan pindaan ini, individu yang mencapai usia 21 tahun boleh mendaftar dengan SPR pada bila-bila masa sepanjang tahun. Pendaftaran itu akan diwartakan dalam masa beberapa minggu dan dia akan menjadi pengundi berdaftar. Ia dilakukan dengan cepat," katanya ketika dihubungi.

Sebelum ini, SPR mencadangkan sistem pendaftaran pemilih secara automatik bagi sesiapa yang mencapai usia 21 tahun untuk menangani isu 'pengundi hantu' dan bagi menjamin bukan warga negara mendapat hak mengundi.

Cadangan itu dikemukakan berikutan SPR menerima banyak kritikan terhadap kelewatan membuat pengesahan, yang mengambil masa sembilan bulan. Pada pilihan raya umum 1999, kira-kira 600,000 pemilih gagal mengundi kerana pendaftaran mereka tidak sempat disahkan.

Rais berkata, pindaan Perlembagaan Persekutuan itu juga membabitkan kenaikan taraf jawatan timbalan Speaker Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya mendapat gaji penuh.

Katanya, sekarang ini timbalan Speaker cuma menerima elaun bulanan dan dibenar menjalankan kerja sampingan seperti perniagaan. Apabila perkara 57 Perlembagaan Persekutuan dipinda, mereka tidak boleh lagi menjalankan perniagaan.

Turut dipinda ialah Perkara 65 bagi membolehkan Setiausaha Dewan Rakyat untuk bersara pada usia 56 tahun, berbanding 55 tahun sekarang.

Beliau berkata, Perkara 45 juga akan dipinda bagi membenarkan senator baru yang dilantik menggantikan ahli Dewan Negara yang meninggal dunia, dapat berkhidmat untuk tempoh sepenggal penuh iaitu tiga tahun.

"Pada masa ini, jika senator meninggal dunia selepas berkhidmat selama setahun, pengantinya cuma dibenar berkhidmat untuk baki dua tahun," katanya.

Selain itu, katanya, Perkara 6 Perlembagaan Persekutuan turut dipinda bagi membenarkan banduan, terutama yang terbabit dengan kesalahan kecil untuk menjalankan kerja kemasyarakatan di luar penjara.

Walaupun cadangan itu pernah dikemukakan sebelum ini, ia tidak dapat

dikuatkuasakan kerana Perkara 6 perlembagaan itu melarang sebarang bentuk buruh paksa.

Cadangan ketika itu ialah untuk membenar banduan yang melakukan kesalahan kali pertama atas kesalahan kecil, memberi khidmat sebagai sebahagian daripada hukuman yang dijalani, bagi khidmat kemasyarakatan.

Tempoh khidmat masyarakat itu kemungkinan separuh daripada hukuman penjara yang dikenakan.

Mengenai bila Dr Mahathir akan membentangkan pindaan itu, beliau berkata pihaknya belum mendapat kepastian tetapi akan dibentangkan dalam sesi sekarang. Dewan Rakyat bersidang selama tiga minggu mulai Isnin lalu.

Jika pindaan itu diluluskan ia akan berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun depan.

(END)